

AMALAN PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PEMBUDAYAAN ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA)

PENGURUSAN PERUBAHAN

Pengurusan Perubahan dalam EA merupakan pendekatan yang memacu penerimaan dan pembudayaan EA supaya inisiatif yang dilaksanakan memberi nilai tambah kepada organisasi.

Penyertaan daripada pasukan projek 1GovEA, pihak pengurusan atasan dan juga penjawat awam (*end-users*) penting bagi mewujudkan Pengurusan Perubahan EA yang berkesan.

Manfaat yang diperoleh daripada Pengurusan Perubahan EA adalah:-

- ▶ Meningkatkan kesedaran dan kesediaan amalan EA dalam kalangan penjawat awam
- ▶ Meningkatkan komitmen pemegang taruh/*stakeholder*
- ▶ Meningkatkan kefahaman terhadap objektif inisiatif EA
- ▶ Mengekalkan *expected outcomes* pegawai dan agensi terhadap pelaksanaan EA

Penggunaan pelbagai saluran komunikasi seperti forum, mesyuarat khas dan hebahan elektronik antara pasukan projek 1GovEA, pihak pengurusan atasan dan penjawat awam akan meningkatkan tahap keberkesanan pembudayaan EA.

Pengurusan Perubahan perlu dijalankan serentak dengan pelaksanaan EA bagi memastikan pemahaman yang berterusan dalam kalangan penjawat awam Malaysia.